

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/11/09 - 88

MOHON BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) 2.0 SEGERA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin mengingatkan orang ramai yang bukan penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2020 sebelum ini dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan agar membuat permohonan BPN 2.0 segera selewat-lewatnya pada 15 November 2020. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di <https://bpn.hasil.gov.my/> atau melalui penghantaran borang manual ke pejabat LHDNM yang berdekatan.

Seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini, BPN 2.0 merupakan inisiatif Kerajaan di bawah Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, KITA PRIHATIN, bagi membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Bagi permohonan baharu yang lulus, pembayaran akan dibuat pada bulan Januari 2021.

Layari portal BPN di <https://bpn.hasil.gov.my/> untuk muat turun syarat-syarat permohonan dan Soalan Lazim (FAQ) berkaitan bantuan ini.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 2

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh diajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 09 November 2020

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2